

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.03.2017

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM), setakat mana paras rizab semasa dapat membiayai import tertanggung dan hutang luar negara Malaysia dan setakat mana BNM meningkatkan rizabnya sejak kerugian pertukaran asing pada 1992/1993 dan krisis kewangan Asia pada 1998.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan terkini rizab antarabangsa negara kekal kukuh berjumlah RM426.3 bilion atau USD95.0 bilion pada 28 Februari 2017 dan telah meningkat sebanyak RM2.1 bilion berbanding RM424.2 bilion pada akhir tahun 2016. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.5

bulan, jauh lebih tinggi berbanding dengan nilai ambang (*treshold*) antarabangsa iaitu 3 bulan. Kedudukan rizab yang kukuh ini juga memadai untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.1 kali.

2. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, paras rizab sehingga 28 Februari 2017 adalah 3.4 kali lebih tinggi berbanding rizab pada akhir 1993 (USD28.3 bilion) dan 4.7 kali lebih tinggi semasa krisis Kewangan Asia 1997/1998 sebanyak USD20.3 bilion (Ogos 1998).

3. Peningkatan rizab ini didorong oleh lebihan imbangan pembayaran yang tinggi, aliran masuk pelaburan langsung asing yang berterusan serta aliran masuk dana portfolio jangka pendek. Namun, aliran dana terutamanya dana portfolio bukan merupakan bahagian rizab yang kekal dan mempunyai kemungkinan mengalir keluar apabila sentimen pelabur berubah, yang mungkin dicetuskan oleh perkembangan ekonomi global, serantau atau dalam negeri.

4. Selain itu, turun naik paras rizab antarabangsa dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya keadaan semasa pasaran kewangan global, jumlah aliran masuk pelaburan langsung (FDI) dan portfolio serta prestasi perdagangan. Selain itu, rizab antarabangsa juga dijangka meningkat apabila pasaran matawang ringgit stabil kerana ia akan meningkatkan keyakinan pelabur asing untuk membawa aliran masuk dana dalam negara.

5. Kedudukan rizab yang stabil ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi negara dan keupayaan Malaysia sebagai penampan cabaran ekonomi dunia yang tidak menentu. Dalam pada itu, Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan sentiasa memantau kedudukan rizab antarabangsa dengan mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan paras rizab ini kekal mencukupi untuk menjadi penampan bagi memenuhi obligasi luaran.